

PM: SAYA RASA BERTUAH



Oleh JASNI SHAFIE •

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hanya pernah melihat Piala Thomas, tetapi belum berpeluang memegangnya. Tetapi, semalam, dia merasai pengalaman yang pertama dalam hidupnya - bukan sahaja memegang, malah menjulang piala keagungan badminton dunia itu.

"Saya hanya pernah melihat Piala Thomas, tapi pegang tak pernah. Hari ini, saya rasa bertuah," katanya ketika berucap meraikan pasukan Piala Thomas negara pada majlis jamuan teh di Sri Perdana, petang semalam.

Ketika Piala Thomas berlangsung di Kuala Lumpur, Perdana Menteri bercuti di Eropah. Beliau pulang ke tanahair Selasa lalu. Bagaimanapun, Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah menjadi penyokong nombor satu negara apabila sanggup

menanggukkan pemergiannya bersama percutian Perdana Menteri itu. "Saya menerima faks mengenai kemenangan Malaysia daripada Dr. Siti Hasmah (isteri beliau) ketika saya berada di atas bot di Greece.

"Nasib baik bot itu mempunyai kemudahan faks. Saya percaya pada malam itu, seluruh rakyat Malaysia tidak tidur kerana gembira dengan kejayaan pasukan negara," katanya.

Sambil mengucapkan tahniah bagi pihak rakyat Malaysia, Dr. Mahathir berkata, kejayaan merampas Piala Thomas selepas 25 tahun perlu dikekalkan.

Menurutnya, Piala Thomas mempunyai makna yang besar, terutama kepada Malaysia kerana dalam sukan badmintonlah Malaysia berjaya menjadi juara dunia.

"Saya yakin seluruh negara terasa terhutang budi kepada skuad negara. Jika saya

berada di stadium ketika itu, saya mungkin tidak sanggup untuk melihat detik mendebarkan tersebut kerana jantung saya tidak kuat," katanya sambil berseloroh.

Pada majlis semalam juga, Dr. Mahathir dan isterinya menyampaikan cenderamata peribadi mereka kepada kesemua pemain, jurulatih dan pengurus pasukan yang menundukkan Indonesia 3-2 pada perlawanan akhir 16 Mei lalu.

Kesemua pemain, termasuk Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Tan Sri Elyas Omar hadir pada majlis semalam.

"Kejayaan pasukan badminton ini telah menjulang nama Malaysia di mata dunia. Kalau dulu di Sepanyol tidak ada yang kenal Rashid Sidek, tetapi Punch Gunalan memberitahu saya, ketika tiba di sana baru-baru ini, mereka orang Sepanyol kenal Rashid sebagai jaguh badminton dunia," katanya.